

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 2/2007

SYARAT PENGESYORAN PINDAHMILIK TANPA PERUBAHAN JENIS HAKMILIK KEPADA BUKAN MELAYU BERAGAMA ISLAM

Arahan ini dikeluarkan bagi makluman dan untuk mendapat perhatian semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan kertas cadangan permohonan pindahmilik tanah di Bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938.

2. Pemakaian Pekeliling PTG KN 3/1991 para (b) Pindahmilik Tanah kepada orang bukan Melayu, bukan anak Kelantan beragama Islam yang dilahirkan di Kelantan atau bermastautin di Kelantan sekurang-kurangnya 15 tahun bolehlah diluluskan tanpa sebarang perubahan jenis hakmilik.
3. Sehubungan dengan pemakaian pekeliling tersebut, masih ada lagi Pentadbir-pentadbir Tanah yang mengesyorkan di dalam kertas cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bertentangan dengan pekeliling di atas.
4. Sedemikian semua Pentadbir-pentadbir Tanah hendaklah mengambil perhatian dan tidak mengesyorkan pindahmilik diluluskan tanpa apa-apa perubahan jenis hakmilik sekiranya pemohon tidak memenuhi syarat sebagaimana Pekeliling PTG KN 3/1991 para (b).

5. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

T.T

(DATO' HJ. MOHD. JAMIL BIN MUHAMED)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN

NEGERI KELANTAN

KEPADA;

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA;

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan)

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN,
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.

BERTARIKH : 18 JANUARI 2007